

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' MASIR KUJAT (SRI AMAN)

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai statistik tangkapan PATI yang menceroboh masuk sempadan di Sri Aman sepanjang pandemik COVID-19 dalam tahun 2019-2020. Apakah bentuk kesalahan sekiranya ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik tangkapan dan pengusiran PATI di Sri Aman bagi tempoh 2019-2021 adalah seperti berikut:-

STATISTIK TANGKAPAN / PENGUSIRAN MELIBATKAN PATI WARGANEGARA INDONESIA BAGI TAHUN 2019 / 2020 / 2021						
TAHUN	TANGKAPAN		JUMLAH	PENGUSIRAN		JUMLAH
	L	P		L	P	
2019	105	7	112	-	-	-
2020	135	12	147	22	2	24
2021	202	40	242	542	110	652
JUMLAH	442	59	501	564	112	676

Bentuk kesalahan yang sering berlaku adalah, masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pasport atau pas yang sah serta tinggal lebih masa selepas tamat tempoh pas. Perkara ini adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.